

Hospital Bera dijangka siap Disember

BH - 10/10/2021
mls: 2

Kemudahan bernilai RM130j bakal dimanfaatkan 150,000 penduduk

Oleh Roselan Ab Malek
bhnews@bh.com.my

Bera: Hospital Bera dijangka siap sebelum akhir Disember tahun ini dan akan diserahkan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) pada Januari 2022.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata de-

ngan siapnya hospital itu kelak ia mampu memberi kemudahan kepada 150,000 penduduk Bera dan sebahagian penduduk Negeri Sembilan yang bersempadan dengan Bera.

Beliau berkata, hospital mula dibina pada Oktober 2010 tetapi tertangguh berikutan kontraktor yang dilantik gagal menyiapkannya mengikut jadual.

Katanya, pembinaan hospital bernilai RM88 juta itu bermula pada 2012 dan sepatutnya siap pada 2015, tetapi tertangguh kerana kegagalan kontraktor.

"Kontraktor pertama hanya menyiapkan 55 peratus dan kontraktor penyelamat menyiapkan 93 peratus. Kontraktor ketiga



Ismail Sabri (tengah) ketika membuat lawatan ke Hospital Bera yang dalam pembinaan, semalam.

(Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

yang mengambil alih pada 5 Januari lalu menyiapkan 98 peratus," katanya kepada media selepas melawat bangunan Hospital Bera di sini, semalam.

Apabila siap kelak, hospital yang mempunyai 40 katil itu akan mempunyai 480 kakitangan yang turut disediakan dengan kuarters.

Ismail Sabri yang juga Ahli Parlimen Bera berkata, kelewatan siap bangunan hospital turut

dipengaruhi oleh masalah ramai pekerja dijangkiti COVID-19.

Berikutan itu, katanya, kelewatan turut meningkatkan kos hospital berkenaan daripada RM88 juta kepada RM130 juta.

Katanya, apabila siap kelak, beliau akan berbincang dengan KKM untuk menempatkan doktor pakar bagi rawatan penyakit tertentu di hospital berkenaan.

"Hospital ini penting kepada penduduk Bera kerana tiada hos-

pital daerah di Bera. Sebelum ini, penduduk Bera terpaksa melakukan perjalanan 45 kilometer (km) ke Temerloh untuk mendapatkan rawatan," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri turut menyampaikan bantuan bakul makanan kepada mereka yang terkesan dengan pandemik COVID-19 dan golongan memerlukan terdiri daripada masyarakat India dan Cina dalam daerah Bera.